

KETUA PEMUDA: RAIS NAK BUAT KEPUTUSAN

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Rais Yatim dijangka akan membuat keputusan sama ada akan bertanding atau tidak merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam masa dua minggu lagi.

Bellau yang juga Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah telah dicalonkan oleh kira-kira 15 Bahagian Pemuda UMNO setakat ini.

Sumber yang rapat dengan bellau memberitahu, Datuk Rais terpaksa membuat keputusan tersebut secepat mungkin kerana orang lain menunggu keputusannya.

"Calon lain yang berminat untuk bertanding menunggu keputusan Datuk Rais sebelum membuat keputusan sendiri pula," katanya.

Datuk Rais, tambah bellau, tidak mahu keadaan 'teka-teki' ini berlanjutan kerana boleh memecahkan perpaduan Pemuda UMNO sendiri.

Mereka yang disebut-sebut berminat untuk bertanding ialah Datuk Haji

Suhaimi bin Datuk Kamaruddin yang mempertahankan kedudukannya dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim.

Bagaimanapun Datuk Mokhtar yang juga Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia menyatakan bellau tidak akan bertanding jika Datuk Rais merebut jawatan tersebut. Kedua-dua pemimpin itu dari Negeri Sembilan.

Encik Anwar Ibrahim yang juga dicalonkan merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia telah menyatakan hasratnya untuk menarik diri.

Bellau bagaimanapun bersedia memberi sumbangan kepada Pergerakan tersebut jika diperlukan oleh ketuanya nanti.

Encik Anwar dijangka akan bertanding merebut jawatan Exco Pergerakan sahaja.

Kata mereka, jika Datuk Rais bertanding merebut jawatan itu, ia merupakan pertandingan sengit.